

# Dr. M: Pasaran komoditi akan dilancar bulan depan

**KUALA LUMPUR, Selasa.**— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Datuk Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan Pasaran Getah Malaysia kini menjadi lebih penting dalam mengendalikan perniagaan getah asli.

Katanya, perkembangan ini adalah wajar kerana Malaysia mengeluarkan kira-kira 42 peratus daripada getah asli di dunia tahun lalu.

Bella u juga meramalkan pasaran getah di Kuala Lumpur itu akan menjadi lebih penting berikutan tertubuhnya Ibupejabat Perjanjian Getah Asli Antarabangsa di sini tidak lama lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan demikian sewaktu berucap merasmikan Syarikat Ari Gan dan Din Sdn. Bhd., sebuah syarikat broker getah Bumiputra yang baru diterima menjadi ahli Pasaran Getah Malaysia, di sebuah hotel terkemuka di sini malam ini.

"Selain dari penubuhan Ibupejabat Perjanjian Getah Asli Antarabangsa di Kuala Lumpur, Kerajaan juga akan melancarkan Pasaran Komoditi Kuala Lumpur bulan hadapan yang akan mengendalikan pasaran kelapa sawit sebagai permulaannya.

"Komoditi yang lain seperti bijih timah, getah dan sebagainya akan dinlagakan di pasaran komoditi ini bila didapati sesuai.

"Dengan adanya pasaran komoditi ini, bermakna Kuala Lumpur mengorak langkah setapak lagi di segi pusat perdagangan antarabangsa,"katanya.

Selanjutnya, Timbalan Perdana Menteri mengingatkan broker-broker Pasaran Getah Malaysia supaya menjamin pelaksanaan penuh kontrak-kontrak lindungan nilai yang dibuat melalui mereka.

Tanggungjawab sedemikian, katanya, adalah berat dan memerlukan kepakaran serta sokongan modal yang banyak. Kekukuhan broker-broker adalah juga kekukuhan Pasaran kita.

Tanpa kekukuhan ini, pengeluar getah dan juga peniaga tempatan dan asing tidak akan mempunyai kepercayaan terhadap Pasaran dan seterusnya akan menjalakan urusan lindung nilai mereka di pasaran antarabangsa yang lain,"katanya.

Bagaimanapun, Kerajaan berbangga bahawa semenjak 1964, Pasaran Getah Malaysia tidak pernah memungkiri janji di bawah kontrak-kontrak lindungan nilainya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap keadaan sedemikian akan berterusan di masa depan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No  
No